



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	GELAGAT ORGANISASI
KOD KURSUS	:	DPB2423
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2016
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (10 Markah)
 - BAHAGIAN B (10 Markah)
 - BAHAGIAN C (40 Markah)
 - BAHAGIAN D (40 Markah)
2. Jawab **SEMUA** soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C. Jawab **DUA (2)** soalan dari BAHAGIAN D .
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Betul/Salah
 - ii. Jawab BAHAGIAN B di dalam Borang Jawapan Objektif
 - iii. Jawab BAHAGIAN C dan D di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Betul/Salah
 - iii. Borang Jawapan Objektif
 - iv. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Borang Jawapan Betul atau Salah.

1. Manusia yang berkerja di dalam satu organisasi adalah bersifat sama.
2. Antara andaian penting yang terdapat di dalam Teori X dan Y yang diperkenalkan oleh Douglas McGregor, manusia memang semulajadinya mempunyai sifat malas dan tidak suka berkerja seterusnya akan mengelak dari melakukan kerja sekiranya terdapat peluang untuk berbuat demikian.
3. Di bawah model kontinum autokratik-demokratik Tannenbaum dan Schmidt, pemimpin yang mengamalkan pimpinan demokratik akan mengawal subordinatnya lebih berbanding pemimpin yang mengamalkan cara pimpinan yang bersifat autokratik.
4. Model Kepimpinan Kontigensi Fiedler melihat kelemahan kumpulan dan organisasi bergantung kepada interaksi personaliti dan gaya pemimpin dengan situasi atau keadaan.
5. Salah satu faktor mengapa pekerja tidak mahu mengalami perubahan adalah kerana mereka tidak mendapat maklumat tentang mengapa mereka perlu berubah.
6. Proses tanggapan melibatkan empat kaedah iaitu permulaan, pemprosesan, pengaruh dan reaksi.
7. Ruangan buta di dalam Tetingkap Johari menerangkan bahawa kita tidak sedar dengan tabiat kita sendiri tetapi tabiat itu disedari oleh orang lain.
8. Mengenali *interpersonal* dapat membantu pengurus mengurangkan jurang dalam memahami kelebihan dan kekurangan diri sendiri dan ahli organisasi.
9. Kumpulan formal diklasifikasikan kepada dua iaitu kepuasan sosial dan keselamatan.
10. Kematian teman hidup merupakan salah satu faktor individu itu menghadapi tekanan

(10 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Organisasi boleh ditakrifkan sebagai
 - A. Satu unit sosial yang bergabung bagi mencapai matlamat yang sama.
 - B. Individu yang berinteraksi antara satu sama lain untuk tujuan mencapai objektif organisasi.
 - C. Satu unit sosial yang terdiri daripada dua atau lebih individu yang berinteraksi antara satu sama lain bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
 - D. Individu yang terdapat di dalam organisasi yang mempunyai matlamat yang sama.

2. Manakah antara berikut merupakan **BUKAN** peranan konflik ?
 - A. *Intra-sender role conflict*
 - B. *Inter-role conflict*
 - C. *Role perception*
 - D. *Role ambiguity*

3. Antara berikut merupakan proses persepsi. Susun semula proses-proses tersebut secara meningkat.
 - i. penerimaan
 - ii. pemprosesan
 - iii. pengaruh
 - iv. output
 - v. reaksi
 - A. i, ii, iii, iv dan v
 - B. i, ii, iv, iii dan v
 - C. i, iii, v, ii dan iv
 - D. ii, i, iii, v dan iv

4. Antara yang berikut merupakan peringkat keperluan di dalam teori ERG

KECUALI

A.	Keperluan kewujudan	Merangkumi kedua-dua keperluan fisiologi dan keselamatan di dalam teori Maslow
B.	Keperluan bergantung	Keperluan ini adalah sama dengan keperluan kasih sayang atau sosial serta kebanggaan diri
C.	Keperluan kuasa	Merasakan perlu untuk mempunyai kuasa bagi membimbing individu yang lain
D.	Keperluan pertumbuhan	Merangkumi penghormatan / kebanggaan diri dan juga penyempurnaan diri / keagungan diri.

5. Kenalpasti elemen yang bersesuaian berdasarkan jadual di bawah :

struktur	perubahan	politik	kekaburan peranan	kebosanan
----------	-----------	---------	-------------------	-----------

- A. faktor individu
 B. faktor ekonomi
 C. faktor peskitaran
 D. faktor organisasi
6. Apakah yang cuba disampaikan melalui kajian *Ohio State University* ?
- A. Tingkahlaku pemimpin berorientasikan tugas dan perhubungan
 B. Kelakuan pemimpin mempengaruhi motivasi pekerja
 C. Pemimpin mempengaruhi rakan sekerja untuk melakukan sesuatu di luar kemampuan mereka
 D. Tingkahlaku pemimpin berdasarkan pertimbangan dan penentuan

7. Iffah merupakan seorang penyelia yang bekerja di syarikat Sunshiny Sdn. Bhd. Ciri-ciri tugas Iffah antaranya ialah

- ❖ Iffah dikelilingi antara dua daya sosial
- ❖ Iffah akan memastikan pekerja berdisiplin
- ❖ Iffah akan menjalankan rancangan yang telah dirancang dengan tekun
- ❖ Kedudukan Iffah adalah di antara pengurusan atasan dan pekerja

Mungkin Iffah merupakan penyelia _____

- A. Orang Utama
 - B. Orang Tengah
 - C. Orang Sisi
 - D. Pekerja Biasa
8. Berdasarkan rajah di bawah kenalpasti perkataan yang sesuai untuk tempat yang bertanda 'Y'.

	<i>Know to self</i>	<i>Unknow to self</i>
<i>Known to other</i>	Open	Blindspot
<i>unknow to other</i>	Y	Unknown

- A. Unclear
- B. Ambiguity
- C. Direct
- D. Hidden

9. Manakah berikut **BUKAN** merupakan teknik membuat keputusan dalam kumpulan?
- A. Teknik demokrasi
 - B. Teknik *brainstorming*
 - C. Teknik nominal
 - D. Teknik Delphi
10. Manakah antara berikut **BUKAN** merupakan objektif perubahan?
- A. Meningkatkan motivasi
 - B. Pemindaan pekerja
 - C. Meningkatkan daya pengeluaran
 - D. Mengurangkan konflik

(10 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Huraikan **EMPAT (4)** ciri-ciri semula jadi manusia.

(10 markah)

SOALAN 2

Terangkan **LIMA (5)** sumber kepuasan kerja.

(10 markah)

SOALAN 3

a. Berikan definisi persepsi.

(2 markah)

b. Terangkan mana-mana **EMPAT (4)** faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi.

(8 markah)

SOALAN 4

Bincangkan **DUA (2)** fungsi kerjaya dan **TIGA (3)** fungsi psikososial.

(10 markah)

BAHAGIAN D

Bahagian ini mempunyai TIGA (3) soalan, jawab DUA (2) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Budaya boleh dibentuk sejak awal penubuhan organisasi lagi. Walau bagaimanapun, pembentukannya adalah secara berterusan dan akan stabil dalam jangka waktu yang agak panjang. Pemilik atau pemimpin tertinggi syarikat boleh menentukan nilai-nilai yang sesuai dengan mereka.

- a. Terangkan **TIGA (3)** peringkat sosialisasi.

(10 markah)

- b. Bincangkan **TIGA (3)** komponen Budaya Organisasi.

(10 markah)

SOALAN 2

Dalam menerangkan apakah yang hendak dilakukan oleh seorang pemimpin, penyelidik di *Ohio State University* telah melakukan satu kajian berdasarkan beberapa sampel yang diambil. Mereka telah mengenalpasti dua jenis tingkah laku yang biasa dilakukan oleh pemimpin.

- a. Terangkan **DUA (2)** jenis tingkah laku itu berserta dengan gambarajah.

(10 markah)

- b. Bincangkan tentang teori X dan teori Y.

(10 markah)

SOALAN 3

- a. Bincangkan **DUA (2)** faktor yang menyebabkan pekerja tidak mahu berubah.
(10 markah)
- b. Terangkan **EMPAT (4)** cara untuk menghadapi perubahan.
(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

